

PENGARUH ELEMEN PATRIOTISME SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MENJAMIN KESELAMATAN NEGARA.

The Influence of the Elements of Patriotism during the Period of the Movement Control Order (MCO) Assurance to the National Security

Munirah Aayuni Mohd Mokhtar¹, Mohd Azmir Mohd Nizah²

Universiti Sains Islam Malaysia^{1,2}

Emel: munirahaayuni@gmail.com¹

Emel koresponden: azmirnizah@usim.edu.my²

ABSTRAK

Patriotisme penting dalam memastikan kedaulatan negara dipertahankan dan rakyat dapat hidup secara aman damai. Ia boleh dizahirkan melalui kepatuhan terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) semasa Pandemik COVID-19. Namun masih ramai yang tidak bersetuju dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh kerajaan dan juga mengingkari arahan tersebut. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh elemen patriotisme sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menjamin keselamatan negara. Analisis tinjauan literatur dan analisis kandungan kajian lepas diguna pakai. Kajian mendapati kebanyakan masyarakat patuh pada arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sentiasa mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) bagi memutuskan rantai COVID-19. Pelbagai teori digunakan dan juga analisis dapat menghuraikan juga daripada perspektif Islam. Justeru, penumpuan terhadap pengaruh yang menerapkan nilai-nilai patriotisme perlu diberi perhatian agar elemen ini dapat mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat secara efektif dan efisien memastikan pembinaan kehidupan yang lebih baik dan menjamin keselamatan negara.

Kata Kunci: Patriotisme; Keselamatan; Perintah Kawalan Pergerakan

ABSTRACT

Patriotism is important in ensuring that the sovereignty of the country is maintained, and the people can live in peace. It can be manifested through compliance with the Movement Control Order (PKP) and adopting the Standard Operating Procedure (SOP) during the COVID-19 Pandemic. However, many still do not agree with the Movement Control Order (MCO) directed by the government and also disobey the directive. This study was conducted to identify the influence of patriotism elements during the Movement Control Order (MCO) can ensure national security. Literature review analysis and content analysis of previous studies were used. The study found that the community complied with the instructions of the Movement Control Order (PKP) and always adopted the Standard Operating Procedure (SOP) to break the COVID-19 chain. Various theories are used and the analysis can be explained also from the Islamic perspective. Therefore, the focus on the influence that applies the values of

Munirah Aayuni Mohd Mokhtar, Mohd Azmir Mohd Nizah (2021): Pengaruh Elemen Patriotisme Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Menjamin Keselamatan Negara

patriotism must be given attention so that this element can create harmony and well-being of the people effectively and efficiently to ensure the construction of a better life and ensure national security.

Keywords: Patriotism; National Security; Movement Control Order (MCO);

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 merupakan satu situasi yang mengancam keseluruhan sosiologi dan ekosistem di seluruh negara. Wabak berjangkit ini merebak dengan pantas melalui titisan cecair daripada hidung dan mulut individu melalui bersin, batuk, dan percakapan. Penyakit berjangkit yang baharu ini telah menyebabkan seluruh negara berada dalam ketakutan dan ianya boleh mengancam keselamatan negara (James & Valluvan, 2020). Ancaman keselamatan bukan sahaja datang dari luar atau hanya melibatkan perkara-perkara jenayah tapi juga ancaman Psikologi Keselamatan. Keselamatan negara adalah salah satu perkara yang berkait rapat dengan emosi dan kenyataan yang perlu diterima (Mohd Nizah et al., 2020).

Menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), satu bentuk arahan bagi memerangi COVID-19 telah dikeluarkan bagi seluruh rakyat Malaysia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah cara untuk mengekang wabak COVID-19 daripada tersebar dengan lebih meluas lagi (Halim et al., 2020). Arahan kepada Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah rujukan daripada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 dan berkuatkuasa sepenuhnya terhadap seluruh negara Malaysia.

Patriotisme merupakan satu perasaan atau emosi yang diekspresikan sebagai tanda cinta dan sayang kepada tanah air. Patriotisme boleh dizahirkan dalam pelbagai cara sama ada di peringkat individu mahupun organisasi. Dalam pandemik Covid-19, memang tidak dapat dinafikan bahawa semangat patriotisme memainkan peranan yang penting dan dapat mempengaruhi pemikiran manusia di semua peringkat umur. Semangat patriotisme ini perlu dipupuk dalam diri sejak kecil lagi seterusnya mampu membawa satu identiti nasional dan juga budaya sekaligus meningkatkan persepsi lebih baik mengenai identiti negara (Mohd Mokhtar & Mohd Lokman, 2016).

Setiap etnik mempunyai atau memiliki identiti budaya yang tersendiri. Hakikatnya ianya mampu menjadi faktor penyatuan dalam mengamalkan nilai-nilai patriotisme dalam usaha menangani pandemik COVID 19. Ini adalah kekuatan masyarakat dalam menjamin keselamatan negara. Keselamatan adalah asas penting yang boleh dinilai dengan cara mendepani risiko yang mendatang dan cara bagaimana untuk kita bertindak balas dalam menangani wabak tersebut (Mohd Nizah et al., 2020).

SOROTAN LITERATUR

Permulaan Pandemik COVID 19 adalah di Bandaraya Wuhan pada Disember 2019. Tiada rawatan atau vaksin yang dapat mengubati Koronavirus ini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa jalan terbaik untuk memutuskan rantai COVID-19 ini adalah dengan melakukan proses kuarantin dan sekatan terhadap pergerakan keluar masuk atau perhimpunan sosial (Hartman et al., 2021). Pandemik COVID-19 juga adalah satu situasi yang mengancam aktiviti sosial yang merebak dengan pantas tanpa mengira umur dan wabak ini

Munirah Aayuni Mohd Mokhtar, Mohd Azmir Mohd Nizah (2021): Pengaruh Elemen Patriotisme Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Menjamin Keselamatan Negara

mampu untuk dijangkitkan dalam skala yang besar jika tidak diputuskan rantaianya. Setiap masyarakat hidup dalam ketakutan kerana virus COVID-19 ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. PKP ini adalah di bawah Akta 343 (Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988). Rentetan daripada pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tersebut ia telah dilanjutkan kepada beberapa fasa yang diumumkan daripada semasa ke semasa. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan khususnya sentiasa melaporkan kes baharu dan pecahan mengikut negeri. Kementerian Kesihatan juga memberi peringatan untuk mengamalkan pembersihan sendiri seperti memakai pelitup muka, sentiasa mencuci tangan serta menggunakan sanitizer untuk mencuci tangan dan juga menjaga penjarakan sekurang-kurangnya satu meter.

Dasar Keselamatan Negara 2021 – 2025 turut menjelaskan tentang memperkasa semangat patriotisme dengan mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi tugas. Pengurusan keselamatan adalah tanggungjawab semua dan merupakan keselamatan menyeluruh. Memupuk semangat jati diri juga turut dinyatakan dengan usaha untuk memupuk perasaan bangga, cinta dan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap negara dalam kalangan rakyat sama ada sebelum, semasa dan selepas bencana yang berlaku. Selain itu, pemulihan menyeluruh pasca pandemik krisis Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dengan mengambil tindakan seimbang dari segala aspek kehidupan. Pembentukan minda keselamatan dengan cara mengukuhkan semangat patriotisme adalah proses yang perlu dilakukan secara konsisten dan melibatkan semua pihak (Majlis Keselamatan Negara, 2021). Natijah di sini adalah patriotisme dan aspek keselamatan mempunyai pertalian yang sangat rapat. Penglibatan semua pihak adalah penting untuk memelihara keamanan dan kemakmuran negara Malaysia tercinta.

Prinsip Keselamatan daripada sudut pandangan Islam juga boleh dikaitkan dengan semangat menjaga kemaslahatan antara satu sama lain. Dalam konteks di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan ini adalah satu perkara yang pernah terjadi pada zaman Nabi Muhammad SAW terjadinya penyakit kusta. Pengasingan dan kuarantin adalah perkara yang dilakukan dan merupakan perkara yang baik untuk mengelakkan berlakunya kemudharatan wabak COVID-19 yang berjangkit ini (Safie & Mohamed, 2020).

Langkah kuarantin merupakan perkara yang boleh mengelakkan penyakit ini berjangkit seperti mana ayat di bawah:-

إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِأَرْتَابِ أَخْفِ هِمَا

Maksudnya: *Apabila bertembungnya dua mafsadah, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan*

Ibnu Khaldun melalui Teori Assabiyah juga menerangkan bahawa pentingnya wujud semangat kekitaan yang secara tidak langsung membentuk perasaan kecintaan. Assabiyah juga dikatakan satu ikatan yang mengikat antara satu sama lain sehingga menjadi satu struktur yang kukuh dalam sebuah negara (Awang, 2001). Teori Assabiyah yang mampu membina semangat kekitaan di mana pemimpin berani berkorban demi rakyat dan rakyat juga patuh kepada arahan dan bersama-sama ke arah merealisasikan dasar dan matlamat negara (Mohd Tohar et al., 2020).

Rukun Negara merupakan satu ideologi yang dibentuk bagi menjaga setiap rakyat Malaysia agar sentiasa hidup dalam suasana yang harmoni dan bantu-membantu antara satu dengan yang lain. Rakyat Malaysia bertuah kerana Malaysia dapat merangka Rukun Negara yang padu dan intipati yang bernas dan dapat memupuk semangat perpaduan yang jitu (Hamid et al., 2021). Rukun Negara mampu menjadikan rakyat hidup berkasih sayang, adil dan demokratik. Rukun Negara berperanan menyebarkan konsep, simbol, metafora dan menggambarkan budaya Malaysia itu sendiri yang kaya dengan nilai-nilai murni.

Pembentukan negara bangsa yang berjaya memerlukan falsafah dan etika kenegaraan yang dapat membina kecintaan kepada negara, kesetiaan dan perpaduan rakyatnya. Ideologi ini mempunyai lima (5) prinsip iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Kelima-lima prinsip Rukun Negara ini merupakan kuasa dalaman yang dapat mengikat perpaduan dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Prinsip Rukun Negara ini adalah merupakan cerminan aktiviti atau amalan kita seharian (Ibrahim, 2016).

Pegangan yang teguh kepada Rukun Negara secara tidak langsung dapat dijadikan panduan hidup sebagai seorang warga negara yang hidup bermasyarakat. Keselamatan negara juga ada termaktub di dalam Rukun Negara di mana prinsip tersebut memberi rakyat untuk sentiasa merujuk kepada Perlembagaan Negara dan akur dengan setiap yang dinyatakan dalam Perlembagaan tersebut.

Patriotisme harus difahami sebagai perasaan mesra dan merupakan satu sentimen yang mempunyai kaitan dengan negara bangsa. Setiap rakyat wajar berpadu tenaga memikul tanggungjawab bersama membina negara bangsa yang lebih perkasa dalam mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan prosedur operasi standard (SOP) dalam memutuskan rantaian COVID-19 (Basir et al., 2020). Nilai-nilai patriotisme menjadi satu platform penting dalam menjamin keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan hidup bermasyarakat. Keupayaan dan kesediaan untuk menghadapi Pandemik COVID-19 dan mengekang penularan COVID-19 adalah perkara yang perlu dilakukan secara bersatu hati.

Petugas barisan hadapan juga telah menjalankan tugas dengan baik walaupun terpaksa berhadapan dengan risiko berjumpa rakyat secara bersemuka semasa menjalankan tugas. Ini adalah kerana sifat semulajadi yang ada pada diri yang mendorong jiwa menyempurnakan tugas dan elemen patriotisme yang wujud dalam diri petugas barisan hadapan mendorong mereka untuk menjalankan tugas secara efektif dan efisien.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif melalui metod analisis kandungan dan analisis tinjauan literatur untuk mendapatkan intipati yang lebih terperinci.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini yang diperolehi daripada analisis tinjauan literatur dan analisis kandungan menunjukkan elemen patriotisme mempengaruhi dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam menjamin keselamatan negara.

Teori dan analisis telah dikenal pasti bagi melihat pengaruh elemen patriotisme sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan bagi menjamin keselamatan negara. *Structural Functional Analysis* atau Analisis Fungsian Struktur digunakan. Menurut Barber (1962), analisis ini adalah menyatakan bahawa setiap institusi wujud sejak awal lagi dengan mempunyai fungsi tertentu. Masyarakat akan terus membangunkan dan pada masa yang sama mendapat hasil yang menjamin keselamatan jika kita berpegang pada peraturan dan garis panduan yang diterapkan. Pendekatan masyarakat melalui analisis ini adalah dengan bertindak balas segera mematuhi prinsip dan etika serta menghargai dan mengekalkan kualiti yang selamat dalam sesebuah negara.

Selain Analisis Fungsian Struktur, Teori Pengurusan Keganasan atau *Terror Management Theory (TMT)* mengatakan bahawa kesedaran manusia tentang kematian adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan malah memberi pengaruh mendalam terhadap pelbagai aspek seperti pemikiran, emosi, motivasi dan tingkah laku manusia. Masyarakat dapat menguruskan potensi kebimbangan yang terhasil daripada kesedaran ini dengan mengekalkan kepercayaan terhadap kesahihan sesuatu berita atau bencana yang berlaku (Pyszczynski, 2018).

Model Kepercayaan Kesihatan atau *The Health Belief Model (HBM)* adalah satu model kognitif sosial yang mempunyai fokus kawalan dalam penerangan, ramalan dan pengaruh tingkah laku. HBM membentuk konstruk dan struktur seperti kecenderungan terhadap risiko yang dirasakan, kerisauan yang melanda, ancaman yang diterima menunjukkan reaksi untuk bertindak, perkara positif yang dirasakan mempengaruhi motivasi kesihatan yang dialami (Kasianenko, 2020).

Dapatan kajian Che Yusoff et al., (2017) juga menyatakan bahawa petugas ini mempunyai jati diri dan setia kepada negara dengan mempratikkan keseluruhan prinsip Rukun Negara tanda sayang dan cintakan negara Malaysia.

Selaras dengan dapatan kajian Safie & Mohamed (2020), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) banyak memberi hikmah kepada segenap aspek masyarakat. Jelas menunjukkan bahawa dengan hanya berada di dalam rumah bersama ahli keluarga sedikit sebanyak mengeratkan tali silaturahim, dapat menjalani ibadah dengan segala aktiviti dilakukan secara berjemaah. Rangkaian COVID-19 dapat diputuskan dengan sama-sama bekerjasama dan memainkan peranan demi mempertahankan keselamatan negara. Nilai-nilai positif yang dipupuk ini menaikkan semangat patriotisme untuk bersama-sama membanteras COVID-19.

PERBINCANGAN KAJIAN

Patriotisme dikenali sebagai konsep menggalakkan nilai kumpulan lebih penting daripada nilai individu. Semangat patriotisme adalah berasaskan perkara subjektif pada sejarah yang berbeza, persekitaran politik, masyarakat dan ekonomi. Menentukan nilai sangat penting kerana ia berpandukan perkongsian, kewajaran, kepuasan terhadap tindakan seseorang atau entiti sosial dengan matlamat untuk dicapai secara keseluruhan. Ia adalah seperti yang dicadangkan bahawa patriotisme adalah semangat cinta dan setia kepada yang dipanggil entiti negeri atau negara dengan tiga fokus utama dalam bidang tindakan seperti:

- i. Patriotisme seorang patriot adalah kepada negara tetapi tidak semestinya kepada kerajaan;

- ii. Cinta seseorang kepada negaranya lebih daripada cintanya kepada negara lain dan rasa ini adalah disalurkan dengan tindakan yang sewajarnya seperti mengekalkan ekonomi, politik dan sosial kemakmuran dan
- iii. Seseorang mempunyai rasa bangga terhadap negaranya dan dengan itu memupuk yang sangat kuat dan mendalam rasa keterikatan.

Analisis Fungsian Struktur telah merungkaikan semangat patriotisme mempunyai perkaitan dengan struktur dan peranan institusi atau Kerajaan Malaysia bersama masyarakat dalam menangani Pandemik COVID 19. Patriotisme itu adalah satu perasaan cinta dan sayang kepada negara dan mampu untuk membawa nilai positif terhadap tingkah laku seperti emosi, komitmen, semangat kekitaan, kasih sayang, dan kesanggupan untuk berjuang dan berkorban demi keselamatan negara. Tindakan sewajarnya yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dan semua rakyat Malaysia merupakan satu anjakan paradigma tentang patriotik untuk memastikan Malaysia bebas daripada ancaman COVID 19 dan bersama-sama berganding bahu memutuskan rantai dengan memberi sokongan dan bekerjasama dengan peraturan dan perintah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Elemen patriotisme ini boleh ditunjukkan dengan mengamalkan ketaatan, disiplin dan sentiasa menjaga antara satu sama lain. Tindakan itu merupakan satu langkah dalam struktur komuniti ke arah menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara walaupun negara sedang berhadapan dengan masa yang sukar.

Kajian ini juga melihat kepada TMT untuk menilai kesedaran tentang patriotisme semasa Pandemik COVID-19. Teori ini menyatakan bahawa apabila semua dalam keadaan bahaya atau dalam krisis, banyak nyawa yang dipertaruhkan dan bilangan kematian semakin meningkat, masyarakat lebih cenderung untuk mempertahankan nilai diri untuk mengurangkan kebimbangan di mana masyarakat lebih bersatu padu dan mempunyai perasaan sayang dan cintakan negara dalam kalangan masyarakat seluruh dunia dan mempertahankan negara sendiri. Jelas menunjukkan elemen patriotism yang ada dalam diri masyarakat ini mampu untuk bekerjasama dan mempunyai semangat untuk bersama-sama perangi wabak ini (Su & Shen, 2021).

Kajian yang menggunakan TMT mengatakan bahawa pandemik COVID-19 ini dapat mencetuskan reaksi pertahanan yang membolehkan masyarakat menghadapi kesukaran. Reaksi pertahanan ini mempunyai pelbagai kesan sosial. Secara khususnya, peningkatan elemen patriotisme sebagai satu bentuk kebanggaan dalam komuniti dapat menggalakkan tingkah laku yang positif antara satu sama lain. Masyarakat tidak dapat bertoleransi dengan mereka yang bukan dalam komuniti atau negara yang sama kerana mempunyai prasangka yang lebih besar terhadap negara luar.

Semangat patriotisme yang menebal dalam diri petugas barisan hadapan terutama badan-badan beruniform secara tidak langsung mengajar mereka tentang memberi perkhidmatan yang sehabis baik dan berkorban sepenuh jiwa dan tenaga bagi memastikan keamanan dan keselamatan negara dijaga dengan baik. Bagi petugas barisan hadapan yang berada dalam Kementerian Kesihatan juga memainkan peranan yang sangat penting di mana mereka sendiri berhadapan dengan pesakit yang positif COVID-19. Semasa mengendalikan pesakit, pakaian khas atau *Personal Protective Equipment (PPE)* perlu dipakai bagi mengelakkan dijangkiti wabak COVID-19. Semangat patriotisme yang menebal dalam diri semua petugas menjadikan mereka bersikap kental dan memberi perkhidmatan yang terbaik dengan mengorbankan nyawa mereka sendiri untuk memastikan pesakit COVID-19 dapat diselamatkan.

KESIMPULAN

Semangat patriotisme boleh ditunjukkan dengan menerapkan disiplin yang tinggi dalam menjaga diri kita sendiri dan masyarakat sekeliling. Mengingkari segala arahan dan peraturan oleh Kerajaan Malaysia akan menyebabkan kegagalan yang besar dalam memerangi Pandemik COVID-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari sudut Islam juga adalah bertepatan dengan hukum Syarak untuk menjauhkan perkara yang mendatangkan masalah dan boleh membawa kerosakan pada diri sendiri. Masyarakat itu sendiri yang tahu menilai diri sendiri sama ada sudah cukup patriotik atau tidak untuk mengikut Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) demi menjaga kemaslahatan sesama saudara dan menjamin keselamatan di negara Malaysia tercinta.

RUJUKAN

- Awang, J. (2001). Perpaduan dan Komposisi Masyarakat Dari Perspektif Ibn Khaldun. *Jurnal Usuluddin*, 14, 23–32.
- Barber, B. (1962). Structural-Functional Analysis: Some Problems and Misunderstandings. *Science*, 135(3503), 554–555. <https://doi.org/10.1126/science.135.3503.554>
- Basir, S. N. M., Bakar, M. Z. A., Ismail, F., & Hassan, J. (2020). Conceptualizing on Structure Functionalism and Its Applications on Patriotism Study during Covid-19 Pandemic in Malaysia. *South Asian Journal of Social Studies and Economics*, 6(4), 1–7. <https://doi.org/10.9734/sajsse/2020/v6i430171>
- Che Yusoff, E. Y., Abdullah, H., & Adnan, Z. H. (2017). Hubungan Kepuasan Kerja dengan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Warga Polis DiRaja Malaysia *Work Satisfaction and Emotional Intelligence Among the Royal Malaysian Police*. 1(1), 22–37.
- Halim, A., Karim, A., Azalan, N. S., & Ismail, M. F. (2020). Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Negeri Pahang Terhadap Peranan Maqasid Syariah Dalam Menangani Wabak Covid-19. 19, 151–162.
- Hamid, N. A., Zawawi, H. Y., Disa, M. N., & Tahir, A. Z. M. (2021). Rukun negara as a preamble to malaysian constitution. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29, 29–42. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.s2.03>
- Hartman, T. K., Stocks, T. V. A., McKay, R., Gibson-Miller, J., Levita, L., Martinez, A. P., Mason, L., McBride, O., Murphy, J., Shevlin, M., Bennett, K. M., Hyland, P., Karatzias, T., Vallières, F., & Bentall, R. P. (2021). The Authoritarian Dynamic During the COVID-19 Pandemic: Effects on Nationalism and Anti-Immigrant Sentiment. *Social Psychological and Personality Science*, 12(7), 1274–1285. <https://doi.org/10.1177/1948550620978023>
- Ibrahim, A. (2016). *Pengaruh Kepimpinan Pelajar Universiti Awam Terhadap Pembangunan Kewarganegaraan Dan Pendidikan Pendemokrasian Di Malaysia*.
- James, M., & Valluvan, S. (2020). Coronavirus Conjuncture: Nationalism and Pandemic States. *Sociology*, 54(6), 1238–1250. <https://doi.org/10.1177/0038038520969114>
- Kasianenko, N. (2020). Measuring Nationalist Sentiments in East-Central Europe: A Cross-National Study. *Ethnopolitics*, 0(0), 1–29. <https://doi.org/10.1080/17449057.2020.1819595>

- Munirah Aayuni Mohd Mokhtar, Mohd Azmir Mohd Nizah (2021): Pengaruh Elemen Patriotisme Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Menjamin Keselamatan Negara
- Mohd Mokhtar, M. A., & Mohd Lokman, A. (2016). Characteristic and level of nationalism among Malaysian youth. *Journal of Media and Information Warfare*, 8, 156–193.
- Mohd Nizah, M. A., Abu Bakar, A. R., & Kamarul Zaman, W. . (2020). Analisa Psikologi Keselamatan Terhadap Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1- Fasa 5 Melalui Kerangka Maqasid Syariah. *3rd International Seminar on Islam and Science 2020, 2020*, 85–98.
- Mohd Tohar, S. N. A., Ahmad Zakaria, R. M., & Wan Razali, W. M. F. (2020). Aplikasi ‘Asabiyah Ibn Khaldun dan Mekanisme Penguatan Semangat Kekitaan dalam Mendidik Generasi Muda Multi Etnik Malaysia. *Civilizational Studies and Human Sciences BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 71–82.
- Majlis Keselamatan Negara (2021). *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*.
- Pyszczynski, T. (2018). *Book Series : Advances in Experimental Social. February*. <https://doi.org/10.1016/bs.aesp.2015.03.001>
- Safie, S., & Mohamed, Z. (2020). Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Al-Turath*, 5(2), 49–58.
- Su, R., & Shen, W. (2021). Is Nationalism Rising in Times of the COVID-19 Pandemic? Individual-Level Evidence from the United States. *Journal of Chinese Political Science*, 26(1), 169–187. <https://doi.org/10.1007/s11366-020-09696-2>